



SMK SIJANGKANG JAYA
42500 KUALA LANGAT,
SELANGOR DARUL EHSAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2016
TINGKATAN LIMA
BAHASA MELAYU
Kertas 1
Ogos
2 ¼ jam

1103/1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah dituliskan dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

(30 markah)

(Masa dicadangkan : 45 minit)

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

*Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan industri pelancongan kepada sesebuah negara**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

1103/1

SULIT

SULIT

3

1103/1

Bahagian B

(100 markah)

(Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit)

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Setiap pelajar mempunyai persediaan tersendiri untuk menghadapi peperiksaan agar memperoleh keputusan yang cemerlang.

Jelaskan persediaan-persediaan yang anda lakukan sebelum menjelangny musim peperiksaan awam.

2. Kes buli yang terjadi di sekolah sejak akhir-akhir ini telah memberi persepsi negatif orang ramai terhadap tahap keselamatan pelajar di sekolah.

Bincangkan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dengan pihak sekolah untuk membanteras masalah ini.

3. Kerajaan telah memperkenalkan slogan "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Slogan tersebut ada kaitan dengan mewujudkan perpaduan kaum rakyat Malaysia.

Anda tertarik untuk menulis sebuah rencana tentang usaha-usaha yang telah dan patut dilakukan kerajaan untuk memastikan perpaduan kaum rakyat Malaysia dapat diperteguh. Tulis rencana anda.

4. Keadaan jerebu yang melanda negara telah menimbulkan pelbagai perdebatan dalam kalangan pemimpin ASEAN.

Jelaskan peranan negara-negara serantau dalam menangani masalah ini tanpa menjejaskan hubungan antara negara tersebut.

5. Minat untuk membaca karya-karya sastera dalam kalangan rakyat negara ini semakin berkurangan.

Kemukakan cadangan anda yang perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk menarik minat orang ramai membaca karya sastera.

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

.....

.....

.....

(ASLAMIHAH BINTI ZAKARIA)

(ANEDA BINTI JAMEAN)

Ketua Panitia Bahasa Melayu

Skema jawapan

Soalan 1:

Cadangan jawapan:

Pendahuluan

Peperiksaan ialah perkara biasa dalam kehidupan seseorang yang masih belajar

- Peperiksaan amat penting untuk menilai keupayaan dan potensi pelajar dalam sesuatu aspek atau mata pelajaran.
- Terdapat dua jenis peperiksaan, iaitu peperiksaan sekolah dan peperiksaan awam.
- Peperiksaan pada peringkat sekolah adalah seperti ujian selaras, Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Akhir Tahun manakala contoh peperiksaan awam yang perlu diambil ialah UPSR, PT3, SPM dan STPM
- Tidak dapat dinafikan bahawa setiap pelajar pasti mempunyai keinginan untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan termasuklah saya
- Strategi-strategi yang ampuh perlu saya ambil untuk memperoleh kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan

Cadangan idea

- (i) Saya akan menetapkan visi atau matlamat untuk memperoleh keputusan yang cemerlang dalam Peperiksaan SPM iaitu 10A+
 - Bagi saya, dengan adanya visi tersebut, saya seolah-olah bersemangat untuk belajar setelah membaca visi yang saya buat.
 - Visi tersebut seolah-olah menjadi pendorong dan pembakar semangat saya selain kedua-dua ibu bapa saya.
 - Saya akan membuat dan menghias visi tersebut.
 - Saya akan menampalkan visi tersebut di dalam bilik tempat saya ulang kaji pelajaran
 - Saya akan membaca visi tersebut setiap kali mahu belajar.
- (ii) Merancang waktu belajar dengan menguruskan masa dengan efisien
 - Sangat penting supaya dapat belajar secara sistematik dan terancang
 - Mengelakkan saya daripada belajar pada saat-saat akhir
 - Mendisiplinkan diri saya
 - Allah SWT telah berfirman dalam surah al-As, iaitu 'Demi masa, sesungguhnya manusia dalam kerugian kecuali mereka yang beriman dan beramal soleh serta berpesan-pesan kepada kebenaran dan berpesan-pesan kepada kesabaran
- (iii) Membuat ulang kaji
 - Ulang kaji secara konsisten
 - Menyiapkan diri dengan input dan maklumat tambahan
 - Membuat nota ringkas supaya tidak cemas
 - Pilih tempat ulang kaji yang kondusif supaya boleh belajar dengan tenang
 - Membuat ulang kaji secara individu atau berkumpulan
- (iv) Mengamalkan pemakanan yang sihat dan berkhasiat
 - Makanan yang berkhasiat penting untuk memberikan tenaga dan menguatkan Memori
 - Mengambil makanan yang kaya dengan karbohidrat, protein, vitamin, pelawas dan pelbagai nutrien lain
 - Membanyakkan makan buah-buahan dapat meningkatkan keimunan badan melawan

- penyakit.
- Banyakkan minum air kosong kerana air kosong akan membekalkan oksigen kepada otak dan tubuh
 - Air kosong juga dapat mengekalkan suhu badan
 - Mengambil makanan yang dapat merangsang otak seperti kismis, kurma, madu lebah
 - Jangan makan makanan yang pedas dan masam. Makanan yang masam dapat melemahkan daya pemikiran
 - Pengambilan makanan yang sihat dan seimbang dapat mengurangkan stress, mencerdaskan minda dan mencergaskan fizikal untuk belajar.

(v) Persediaan mental dan rohani

- Berfikiran positif
- Mempunyai semangat juang yang tinggi untuk belajar
- Tidak mudah putus asa jika ada mata pelajaran yang susah dan sukar difahami
- Persediaan rohani penting untuk mendapatkan ketenangan
- Amalan mengikut agama masing-masing dijalankan : Islam/Muslim-membaca al-Quran, solat lima waktu dan berdoa
- Menghormati guru-guru, mentaati ibu bapa dan melakukan aktiviti kebajikan

Penutup

Soalan 2:

Calon perlu menghuraikan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dengan pihak sekolah untuk membanteras gejala buli.

Pengenalan

Cadangan idea:

- Pihak sekolah dengan kerjasama daripada pihak PIBG mengadakan Program Pemantapan Disiplin
- Pihak sekolah hendaklah melibatkan PIBG dalam aktiviti sekolah seperti Sambutan Hari Guru, Hari Keluarga, Hari Terbuka dan sebagainya
- Program Kerohanian yang melibatkan guru, ibu bapa dan murid juga perlu Diadakan
- Program permuafakatan antara sekolah, ibu bapa dan pihak polis perlu dijalankan setahun dua kali
- Pihak PIBG perlu membantu sekolah untuk mengadakan Kamera Litar Tertutup

Penutup

Soalan 3:

Karangan berformat rencana

Tanpa tajuk tolak 2 markah

Tanpa nama penulis tolak 2 markah

Pendahuluan

- Slogan diperkenalkan oleh Perdana Menteri keenam pada 3 April 2009

Cadangan idea

- Berusaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa rasmi rakyat Malaysia
- Menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan murid, selain memberikan sumbangan kepada sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil
- Rakyat diberi kebebasan bersuara, asal sahaja tidak menyentuh sensitivity kaum dan hal-hal berkaitan agama
- Menggalakkan rakyat mengadakan rumah terbuka ketika hari perayaan
- Memberi rakyat kebebasan beragama, walaupun agama Islam sebagai agama rasmi
- Memberikan peluang yang sama rata kepada rakyat menikmati kekayaan ekonomi negara

Penutup

Soalan 4:

Calon perlu menyatakan peranan negara serantau seperti Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei, Filipina dan lain-lain lagi seperti cadangan idea yang berikut;

Pendahuluan

Cadangan idea

- (i) Perjanjian Kerjasama Dua Hala ASEAN
- (ii) Cadangan kerjasama penguatkuasaan peraturan
- (iii) Kerjasama pengawalan aktiviti pembakaran secara terbuka
- (iv) Kerjasama pelaksanaan kempen antijerebu di Negara masing-masing

Penutup

Soalan 5:

Pendahuluan

Cadangan idea,

- (i) Pihak sekolah (PSS) menambah bilangan buku-buku sastera dan karya agung sasterawan Negara
Mengadakan pertandingan mengulas buku-buku dan karya sastera.
Setiap kelas ada satu sudut sastera
- (ii) Peranan ibu bapa memberikan pendedahan karya sastera kepada anak-anak.
Hadihkan buku sastera untuk anak-anak
Perpustakaan mini di rumah turut diadakan buku dan karya sastera
Ibu bapa bercerita atau membaca karya sastera kepada anak-anak
- (iii) Media massa memainkan peranan untuk mempromosikan bahan dan karya sastera.
Memberikan maklumat tentang karya sastera yang baru di pasaran dan memudahkan orang ramai untuk mendapatkannya.
Mengadakan pelbagai kuiz, silang kata, pertandingan sajak, syair untuk menarik minat orang ramai

- (iv) Kerajaan mengadakan pameran karya sastera dan kempen menghayati karya sastera.
 - Memberikan ruang dan peluang orang ramai mengenali karya sastera
 - Pengurangan cukai terhadap penerbitan bahan sastera wajar dilakukan bagi menggalakkan syarikat yang mahu menerbitkan bahan sastera
- (v) Pihak NGO membantu untuk menerbitkan bahan sastera, bukan mementingkan keuntungan semata-mata
 - Persatuan Karya-karya Sastera bangkit melindungi karya-karya penulis agar tidak ada yang mengeksploitasikan karya mereka agar mereka terus berkarya

Penutup

